

SELEPAS PROSEDUR

- Pesakit mungkin merasa kurang selesa pada bahagian hidung dan tekak selain daripada pesakit batuk untuk sementara waktu selepas prosedur dijalankan.
- Jika anda mengalami kesakitan yang teruk dan berlanjutan seperti muntah berdarah, batuk berdarah, dan susah bernafas anda perlu mendapatkan rawatan segera daripada hospital yang berdekatan.
- Pesakit dilarang daripada mengambil sebarang makanan atau minuman dalam 1 jam sehingga rasa kebas di dalam mulut hilang. (Ini adalah kerana pesakit telah diberi "lignocaine spray" ke dalam tekak sebelum prosedur yang mengakibatkan gag/swallow reflex kurang)
- Posisikan pesakit dengan meninggikan kepala katil (semi fowlers) dalam keadaan mengiring. (untuk memudahkan pengeluaran air liur daripada mulut dan mengelak daripada berlakunya 'aspiration')



SEBELUM DISCAJ

- Sila dapatkan temujanji klinik perubatan sebelum balik ke rumah untuk rawatan susulan. Keterangan lanjut mengenai keadaan dan rawatan anda akan diberitahu semasa anda menghadiri temujanji di klinik tersebut.
- Dapatkan ubat di farmasi yang berdekatan jika ada (Farmasi Satelit)


**JIKA ANDA MEMPUNYAI SEBARANG
PERTANYAAN ATAU SEBARANG KERAGUAN
SILA HUBUNGI PUSAT PERKHIDMATAN
ENDOSKOPI, TINGKAT 1, PUSAT PERUBATAN
UKM**

TEL;03-91455555 EXT: 7461/7462

ISNIN-JUMAAT (2.00 PTG-5.00 PTG)


BRONCHOSCOPY

PUSAT PERKHIDMATAN ENDOSKOPI PPUKM




APAKAH ITU BRONCHOSCOPY?

- Satu prosedur yang dilakukan untuk melihat saluran pernafasan melalui hidung seterusnya ke tekak (throat), larinks (larynx), trachea ke saluran bawah pernafasan. (lower airway).
- Dilakukan oleh pakar perubatan dimana untuk menentukan sesuatu penyakit dengan mengambil sampel tisu (biopsy) dan dapat memberi rawatan kepada pesakit dengan pemberian ubat ubatan yang tepat.



INDIKASI UNTUK BRONKOSKOPI

- Pesakit yang mengalami masalah pernafasan seperti:
 - Kanser paru paru (Ca lung)
 - Pendarahan (Bleeding)
 - Batuk yang berpanjangan / berdarah.
 - Kesukaran untuk bernafas
- Pengambilan tisu semasa prosedur untuk menentukan rawatan yang diberi.
- Pembuangan sesuatu objek yang menyebabkan penyekatan pada saluran pernafasan.
- X ray/ Ct Scan menunjukkan abnormaliti dalam paru-paru.



PERSEDIAAN PESAKIT SEBELUM BRONCHOSCOPY

- Pesakit perlu berpuasa sekurang-kurangnya 6 jam sebelum pemeriksaan (Bermula 12 tgh malam).
- Jika pesakit memakai gigi palsu pesakit perlu menanggalkan gigi tersebut sebelum prosedur dijalankan.
- Pesakit dilarang memakai aksesori-aksesori perhiasan diri, jam tangan, barang kemas dan lain-lain.
- Pesakit dibenarkan memakan ubatan rutin harian pesakit sebelum prosedur dijalankan dengan mengambil kuantiti air yang sedikit kecuali ubat kencing manis bagi mengelakkan sebarang komplikasi.

Peringatan kepada pesakit:

- Adalah lebih baik jika pesakit memaklumkan kepada Pegawai Perubatan mengenai ubat-ubatan seperti ubat cair darah atau sebarang alahan dan alergic terhadap sebarang ubatan.

PEMBERIAN UBAT SEDATIF AKAN DIBERIKAN KEPADA PESAKIT SEBELUM PROSEDUR DIJALANKAN.

Jika pesakit terdiri daripada pesakit luar :

- pesakit dinasihatkan supaya ditemani oleh sedara/ waris /kawan pada hari temujanji, ini adalah disebabkan kesan sedative yang akan membuatkan anda mengantuk.
- Tidak digalakkan memandu lebih kurang 12 jam selepas prosedur .
- Dilarang mengendalikan mesin berat atau meminum minuman alkohol.

KESAN DARIPADA UBAT –UBATAN ITU AKAN MULA BERKURANGAN PADA KEESOKAN HARINYA DAN ANDA BOLEH MENERUSKAN AKTIVITI SEPERTI SEDIAKALA.



PADA HARI TEMU JANJI

1. Wang pembayaran iaitu untuk caj bronchoscopy adalah sebanyak RM 250 ,separuh harga bagi warga emas >55 tahun dan caj ubatan (jika terdapat ubat yang diberi oleh doktor).
2. Bawa surat jaminan daripada majikan ataupun kad pesara pada hari tersebut bagi kakitangan kerajaan.
3. Sila hadir ke Pusat Endoskopi pada hari yang ditetapkan pada pukul 8.00 pagi. untuk pendaftaran.
4. Pesakit perlu menandatangani borang keizinan sebelum prosedur dan penerangan tentang prosedur diberikan oleh Pegawai Perubatan sebelum prosedur.
5. Pegawai Perubatan akan memasukkan 'intra vena branula' kepada pesakit supaya ubat sedatif dapat diberikan.
6. Mulut dan hidung pesakit akan diletakkan dengan ubat anestetik setempat yang akan membuat saluran tekak dan hidung pesakit berasa kebas bagi memudahkan prosedur dijalankan.
7. Pesakit perlu bekerjasama, tenang dan mematuhi arahan yang diberikan oleh Pakar Perubatan semasa dan sepanjang prosedur dijalankan.
8. Tempoh prosedur ini dijalankan sekurang-kurangnya dalam masa 15 ke 30 minit mengikut tahap penilaian pesakit sepanjang prosedur dijalankan.

